



Semua Ketua Jabatan Negeri/
Ketua Jabatan Persekutuan
Negeri Kedah Darul Aman

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL.2 TAHUN 2019
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA,
PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN, DAN FIRMA PERUNDING
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai pendaftaran Kontraktor **Kerja, Pembekalan/ Perkhidmatan,** dan **Firma Perunding** yang berhasrat untuk menyertai semua jenis perolehan di setiap Jabatan Pelaksana Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- 1.2 Pelaksanaan pendaftaran kontraktor ini bertujuan untuk merekod dan mengumpul maklumat syarikat kontraktor **Kerja, Pembekalan/Perkhidmatan, Firma Perunding** yang mempunyai kemahiran dan kelayakan dalam bidang berkaitan perolehan yang ditawarkan disamping dapat memantau prestasi syarikat terlibat.

2.0 PENDAHULUAN

2.1 PUNCA KUASA

2.1.1 Pekeliling ini dibuat dan dipinda berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (MMK) yang bermesyuarat pada 16 Januari 2019, Kertas No.7(F)42/2019, *Cadangan Pindaan Penambahbaikan Berkaitan Kaedah dan Kadar Caj Pendaftaran Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan dan Firma Perunding Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.*

2.1.2 Maka Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3 Tahun 2015 dan keputusan MMK perkara 9.5 Hal-Hal Lain bertarikh 07 Jun 2017 (Surat edaran oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bertarikh 09 Januari 2019, PSU(K) 683 – 1416 Jld 7 (2)) **dibatalkan.**

2.2 KAEDAH PELAKSANAAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

2.2.1 Semua kontraktor yang ingin memasuki perolehan **Kerja, Pembekalan/Perkhidmatan,** dan **Firma Perunding** yang dibuat oleh **Jabatan Pelaksana Negeri Kedah** di **setiap Daerah** di Negeri Kedah perlu membuat pendaftaran.

2.2.2 Pendaftaran boleh dibuat pada awal tahun iaitu Januari hingga Mac. Tambahan pendaftaran boleh diterima oleh Jabatan Pemungut Negeri selepas pada bulan Mac hingga Disember.

[Rujuk 4.0]

2.2.3 Semua pendaftaran kontraktor akan **dipusatkan** di **Jabatan Pemungut Negeri Kedah** iaitu semua **Pejabat Daerah** dan **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Seksyen Kewangan)** seperti jadual di bawah:-

JENIS PEROLEHAN	KELAS KONTRAKTOR	JABATAN PEMUNGUT NEGERI
Kerja	G1	Pejabat Daerah Berkaitan
	G2	Seksyen Kewangan PSUK
	G3	
	G4	
	G5	
	G6	
	G7	
Perkhidmatan / Pembekalan	Semua Kelas	a. Pejabat Daerah atau b. Seksyen Kewangan PSUK
Firma Perunding	Semua Jenis Firma	Seksyen Kewangan PSUK

3.0 TAFSIRAN

3.1 JENIS PEROLEHAN

3.1.1 Kerja

3.1.2 Pembekalan / Perkhidmatan

3.1.3 Firma Perunding

3.2 JABATAN PELAKSANA NEGERI KEDAH

3.2.1 Semua kontraktor yang ingin memasuki perolehan **Kerja, Pembekalan/Perkhidmatan**, dan **Firma Perunding** yang dibuat oleh **Jabatan Pelaksana Negeri Kedah** perlu membuat pendaftaran.

3.2.2 **Jabatan Pelaksana Negeri Kedah** merangkumi:-

- a. Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
[termasuk semua bahagian/unit]
- b. Semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Kedah
- c. Semua Jabatan – Jabatan Negeri Kedah
[termasuk cawangan dan pejabat di daerah]

3.2.3 Pendaftaran boleh dibuat di semua **Jabatan Pemungut Negeri Kedah** [para 3.3].

3.3 **JABATAN PEMUNGUT NEGERI KEDAH**

3.3.1 **Jabatan pemungut Negeri Kedah** adalah jabatan yang bertanggungjawab bagi :-

- a. Mengurus pendaftaran kontraktor
- b. Mengutip dan menerima bayaran pendaftaran kontraktor.
- c. Mengeluarkan **resit rasmi** yang dicetak dari sistem iSPEKS sebagai **bukti pembayaran** telah dibuat bagi tahun terlibat.

3.3.2 **Jabatan Pemungut Negeri Kedah** yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah:-

JENIS PEROLEHAN	KELAS KONTRAKTOR	KADAR (RM)	JABATAN PEMUNGUT NEGERI
Kerja	G1	100.00	Pejabat Daerah Berkaitan
	G2	200.00	Seksyen Kewangan PSUK
	G3	300.00	
	G4	400.00	
	G5	600.00	
	G6	700.00	
	G7	1,000.00	
Perkhidmatan / Pembekalan	Semua Kelas	200.00	a. Pejabat Daerah atau b. Seksyen Kewangan PSUK
Firma Perunding	Semua Jenis Firma	500.00	Seksyen Kewangan PSUK

4.0 PANDUAN PENDAFTARAN

4.1 Tempoh Sah Pendaftaran

4.1.1 Tempoh sah pendaftaran ini adalah bermula pada 01 Januari dan tamat pada 31 Disember setiap tahun.

4.1.2 Semua Kontraktor **Kerja, Pembekalan/Perkhidmatan** dan **Firma Perunding** hendaklah mendaftar semula pada tahun berikutnya sekiranya berhasrat untuk menyertai perolehan Kerajaan.

4.2 Tempoh Siap Projek / Bekalan / Perkhidmatan / Program Lebih Setahun

4.2.1 Bagi projek/bekalan/perkhidmatan/program yang melibatkan tempoh siap melebihi setahun, semua kontraktor **kerja, pembekalan / perkhidmatan** dan **Firma Perunding** diwajibkan mendaftar semula pada tahun berikutnya selepas tamatnya tempoh sah.

4.3 Notis Hebahan Pendaftaran

4.3.1 Semua Jabatan Pelaksana Negeri berkaitan perlu memastikan notis hebahan pendaftaran dibuat kepada semua kontraktor **kerja, pembekalan / perkhidmatan** dan **Firma Perunding** setiap bulan Disember tahun sebelum memandangkan tempoh sah pendaftaran adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.

4.4 **Borang Pendaftaran**

4.4.1 Pendaftaran hendaklah menggunakan format Borang Pendaftaran seperti di **Lampiran A**.

4.4.2 Borang ini boleh diubahsuai mengikut keperluan Jabatan Pemungut Negeri.

4.4.3 Tiada pindaan baru berkenaan borang pendaftaran. Jabatan Pemungut Negeri boleh menggunakan format borang sedia ada yang sedang digunakan sebelum pindaan pekeliling ini dibuat.

4.5 **Laporan Pendaftaran Kontraktor**

4.5.1 Setiap **Jabatan Pemungut Negeri** hendaklah mengeluarkan Resit Rasmi yang dicetak dari sistem iSPEKS sebagai bukti pembayaran.

4.5.2 Setiap **Jabatan Pemungut Negeri** diwajibkan menghantar laporan pendaftaran secara berkala seperti dibawah : -

BULAN PENDAFTARAN	TARIKH PENGHANTARAN LAPORAN	CATATAN
Januari – Mac	Minggu Pertama April	-
April – Jun	Minggu Pertama Julai	Sekiranya ada tambahan pendaftaran oleh kontraktor
Julai – September	Minggu Pertama Oktober	
Oktober – Disember	Minggu Terakhir Disember	

4.5.3 Format laporan seperti di **Lampiran B**.

5.0 KADAR CAJ PENDAFTARAN KONTRAKTOR

5.1 KONTRAKTOR KERJA

5.1.1 Semua jabatan dikehendaki mempelawa hanya kontraktor kerja yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Penarafan Bumiputera (jika berkaitan) untuk menyertai semua jenis perolehan kerajaan.

5.1.2 Kadar caj pendaftaran bagi kontraktor kerja adalah seperti berikut :-

KELAS	KADAR (RM)	JABATAN PEMUNGUT NEGERI
G1	100.00	Pejabat Daerah Berkaitan
G2	200.00	Seksyen Kewangan PSUK
G3	300.00	
G4	400.00	
G5	600.00	
G6	700.00	
G7	1,000.00	

5.1.3 KONTRAKTOR KERJA KELAS G1

Pihak syarikat / kontraktor hanya perlu mendaftar / membayar di **hanya Pejabat Daerah Berkaitan** sebanyak **RM 100.00** bagi tahun mendaftar dan **layak memasuki perolehan di semua Jabatan di daerah** tersebut.

5.1.4 KONTRAKTOR KERJA KELAS G2 – G3

Pihak syarikat / kontraktor hanya perlu mendaftar/membayar di **Seksyen Kewangan PSUK** mengikut kategori bagi tahun mendaftar dan **layak memasuki perolehan di semua Jabatan di Negeri Kedah.**

5.2 KONTRAKTOR PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN

5.2.1 Semua jabatan dikehendaki mempelawa hanya kontraktor pembekalan/perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mempunyai kod bidang berkaitan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar sebagai pembekal Taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyertai perolehan kerajaan.

5.2.2 Kadar caj pendaftaran bagi kontraktor pembekalan/perkhidmatan adalah seperti berikut:

KELAS	KADAR (RM)	JABATAN PEMUNGUT NEGERI	NILAI PEROLEHAN UNTUK WAJIB MENDAFTAR
Semua Jenis Kontraktor Pembekalan / Perkhidmatan	200.00	a. Pejabat Daerah atau b. Seksyen Kewangan PSUK	Had nilai perolehan adalah RM5,000.00 dan keatas setahun atau satu-satu kontrak.

5.3 FIRMA PERUNDING

5.3.1 Semua jabatan dikehendaki mempelawa hanya Firma Perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Mempunyai permit / perakuan dari pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan Perunding Profesional sebagai mematuhi Akta yang dikeluarkan oleh Lembaga Profesional masing-masing mengikut bidang untuk menyertai perolehan kerajaan.

5.3.2 Kadar caj pendaftaran bagi Firma Perunding seperti berikut :-

KELAS	KADAR (RM)	JABATAN PEMUNGUT NEGERI
Semua Jenis Firma Perunding / Kontraktor	500.00	Seksyen Kewangan PSUK

6.0 KOD HASIL

6.1 Kutipan hasil ini akan direkodkan oleh **Jabatan Pemungut Negeri** didalam sistem iSPEKS menggunakan kod hasil **H0171257 – Bayaran Untuk Berniaga – Bayaran Kontraktor.**

7.0 KUAT KUASA

7.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya ditandatangani dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan (AP) dan Pekeliling lain yang berkaitan.


8.0 PEMBATALAN

- 8.1 Dengan berkuat kuasanya perkeliling ini, SPP berikut adalah **dibatalkan**:
- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3 Tahun 2015.
 - b. Keputusan MMK perkara 9.5 Hal-Hal Lain bertarikh 07 Jun 2017 (Surat edaran oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bertarikh 09 Januari 2019, PSU(K) 683 – 1416 Jld 7 (2)).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ISAHAK BIN MURAT, SDK., AMK., BCK.)

Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

18 Februari 2019

13 Jamadilakhir 1440H

Sk: (07)P.Kw.N(K)1870 JLD 2